



P.Kw.N/N.S.(349) 600/4-1 Kit.2 (17)

**PEKELILING PEJABAT KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
BIL. 1 TAHUN 2009**

Semua Ketua Jabatan-Jabatan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Ketua Badan Berkanun
Semua Ketua Agensi

PELANTIKAN TENAGA KERJA WARGANEGARA

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan mengenai dasar Kerajaan Negeri supaya semua pelantikan tenaga kerja dalam sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat hendaklah melantik pekerja dari kalangan warganegara.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa sekarang terdapat kerja dalam sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan di Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri, pelaksanaannya diberikan kepada syarikat. Peraturan pelantikan pekerja dalam sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri seperti perkhidmatan keselamatan, pembersihan, letak kereta dan penyelenggaraan bangunan pada masa ini tidak menetapkan pekerja mestilah warganegara Malaysia.

KEPUTUSAN

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 27 Mei 2009 telah memutuskan supaya syarikat yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Negeri dan Agensi Kerajaan Negeri hendaklah melantik pekerja di kalangan warganegara untuk kerja dalam sektor perkhidmatan dan sektor pembinaan. Syarat menggunakan pekerja warganegara hendaklah dimasukkan ke dalam klausa perjanjian. Sekiranya seratus peratus warganegara tidak dapat dipenuhi, kelulusan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan hendaklah diperolehi.

TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh 1 Jun 2009.



(DATO' AB RADZAK BIN AB RAHMAN)

Tarikh: 10 Jun 2009